

# **Kepimpinan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS)**

*Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi*  
nikrafidah@gmail.com

## **Abstrak**

Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) mula diperkenalkan pada tahun 2000. Ini bermakna, pelajar dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima wajib mempelajari novel sama ada aliran sains mahupun sastera. Dalam kajian ini beberapa buah novel menjadi pilihan. Pelbagai elemen positif cuba diterapkan dalam novel-novel tersebut, antaranya tentang kepimpinan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dalam novel-novel kajian ada elemen kepimpinan yang bermula daripada peringkat yang paling asas sehingga kepada peringkat tertinggi seperti kepimpinan dalam keluarga, kepimpinan remaja, kepimpinan guru dan seterusnya kepimpinan kampung dan daerah. Kepimpinan tersebut penting kepada golongan pelajar yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Mereka harus mengerti bahawa setiap kepimpinan daripada peringkat bawah sehingga ke peringkat atas mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dan penting dalam pembentukan negara yang harmoni.

**Kata Kunci** Pemikiran, Kepimpinan, Novel, Komponen Sastera

## **Abstract**

*Novel Component Literature in Malay Language Subject (KOMSAS) was first introduced in 2000. This means that students from form one to form five must learn novel either they are from science or art*

*stream. In this study, a few novels were selected. Various positive elements were tried to be expressed in these novels, including about leadership. The results showed that the selected novels consisted about leadership from the most basic to the highest level, such as the leadership in the family, youth leadership, teacher leadership, and subsequently leadership at village and district levels. The leadership was important to the students who will inherit the leadership of the country. They should understand that every leadership from the ground level up to the upper level has functions and roles, and essential for the formation of a harmonious nation.*

**Keywords** Thought, Leadership, Novels, Literature Component

## Pengenalan

Dalam kajian ini, pengkaji meneliti novel-novel komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang buat pertama kalinya diperkenalkan kepada pelajar sekolah menengah di Malaysia mulai tahun 2000. Semua pelajar tidak kira sama ada aliran sains atau sastera wajib membaca novel-novel yang menjadi komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Justeru, pelbagai unsur positif diterapkan kepada pelajar termasuk pemikiran tentang kepimpinan. Dalam novel ini pelajar yang berusia dari umur 13 sehingga 17 tahun didedahkan dengan unsur-unsur kepimpinan sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Pada umumnya, pemimpin merupakan orang yang mempunyai kedudukan, sama ada dalam satu-satu kumpulan kecil dalam situasi tertentu atau dalam masyarakat. Malah, pemimpin mesti mempunyai peranan dan bertanggungjawab dalam kumpulannya. Dalam hal ini, Ismail Ibrahim (2003:9) mengatakan kepimpinan dalam erti kata yang luas tidak semestinya tertumpu kepada kepimpinan politik semata-mata. Malah dalam keluarga, masyarakat, organisasi sosial dan kebajikan. Kesemua entiti tersebut memerlukan kepimpinan yang bijak dan berilmu. Justeru, dalam kajian ini aspek kepimpinan diperluaskan dengan menyentuh kepimpinan politik, kepimpinan kampung dan daerah, kepimpinan keluarga, kepimpinan remaja, kepimpinan guru dan semangat nasionalisme. Aspek ini akan dibincangkan dalam novel-novel komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu seperti *Merdeka! Merdeka!, Meniti Kaca, Pahlawan Pasir Salak, Bukit Kepong, Timulak Kapal Perang, Perlumbaan Kedua, Panas Salju*,

*Aku Anak Timur, Julia, Limpahan Darah di Sungai Semur, Seteguh Karang, Di Hadapan Pulau, Terminal Tiga Konserto Terakhir, Tragedi 4 Disember, Anak Din Biola dan Putera Gunung Tahan.*

Kassim Thukiman (2002:22) mengemukakan beberapa pendapat tokoh mengenai kepimpinan. Antaranya ialah Machiavelli yang berpendapat bahawa pemimpin mestilah seorang yang kuat dan tidak berperikemanusiaan untuk membolehkan seseorang pemimpin dapat menwujudkan dan mengelakkan perpaduan kebangsaan. Namun begitu, hal ini boleh dipertikaikan berdasarkan kepada tempoh kepimpinan pemimpin seperti itu dapat bertahan. Umpamanya, Hitler dan masyarakat yang ditindas akhirnya akan bangkit juga seperti hancurnya Republik Soviet Union dan Eropah Timur, manakala Plato pula berpendapat, orang yang bijaksana lebih mengetahui pelbagai bidang berbanding rakyat keseluruhannya. Beliau menganalisis tentang keadilan dan bagaimana mencapainya. Seterusnya, Al-Farabi pula berpendapat pemimpin mestilah mempunyai fikiran, jasmani dan akhlak sempurna.

Menurut Azizan Baharuddin (1991:13) pula, mengatakan seorang pemimpin perlu membantu masyarakatnya menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan idea yang bernes. Seseorang pemimpin adalah pengajur yang dapat memujuk orang lain untuk melaksanakan idea yang bernes. Dia menjadi pengajur kepada gerakan mempertahankan nilai lama masyarakatnya kepada nilai baru yang boleh memajukan masyarakatnya.

Selanjutnya, Abdul Wahab Ali (1989:40) mengatakan pemimpin adalah orang yang mempunyai kedudukan di dalam satu kumpulan manusia dalam suasana tertentu. Pemimpin perlu mempunyai sifat-sifat kepimpinan sama ada dari segi pembawaannya atau yang timbul disebabkan oleh satu-satu situasi. Selain itu, pemimpin perlu mempunyai hak dan kewajipan tertentu sesuai dengan kedudukannya di dalam satu-satu kumpulan yang dianggotainya. Seterusnya pemimpin, mempunyai pengaruh dan diterima pula oleh masyarakat atau kumpulannya.

Demikianlah definisi pemimpin yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh di atas. Justeru, dalam analisis ini pengkaji akan memperlihatkan pemikiran pengarang yang berhubungan dengan kepentingan kepimpinan dalam masyarakat yang bermula di peringkat asas, iaitu kepimpinan keluarga sehingga ke peringkat tertinggi, iaitu kepimpinan politik. Dalam novel-novel kajian pengarangnya mengungkap jenis-jenis kepimpinan seperti kepimpinan politik, kampung dan daerah, keluarga, remaja dan guru.

## **Kepimpinan Politik**

Shamsul Amri Baharuddin (1990:102) mengatakan pemimpin politik memainkan peranan yang pelbagai. Selalunya, mereka mempunyai kekuasaan dan wibawa dari segi pentadbiran dalam sesebuah desa dengan direstui oleh kuasa atau di bawah naungan pemerintah sesebuah negeri atau negara. Dalam novel *Merdeka! Merdeka!* Karya A. Rahman Hanafiah (1995:148) mengungkapkan pemikiran tentang kepentingan peranan pemimpin politik pada zaman sebelum merdeka sebagai wakil suara rakyat kepada pihak pemerintah. Umpamanya, Dato' Onn merupakan pemimpin politik yang berjasa dalam perjuangan menentang menggagalkan *Malayan Union*. Perjuangan ini seterusnya menjadi asas kebangkitan semangat perjuangan bangsa Melayu melalui UMNO untuk mendapatkan kemerdekaan. Jika dilihat dari sudut psikologi, seseorang yang dapat berjasa kepada negara dan bangsa mereka kerana kekuatan super egonya menjadi jaringan dan pendidng kepada situasi yang cuba meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaannya.

## **Kepimpinan Kampung dan Daerah**

Dalam kajian ini, pengkaji akan memperlihatkan beberapa buah novel yang dominan membicarakan tentang kepentingan kepimpinan di peringkat kampung dan daerah. Antara novel-novel yang akan dibincangkan ialah *Meniti Kaca*, *Merdeka! Merdeka!*, *Pahlawan Pasir Salak*, *Bukit Kepong*, *Timulak Kapal Perang* dan *Perlumbaan Kedua*. Dalam novel *Meniti Kaca*, Raja Sabaruddin Raja Abdullah (1991: hlm. 51)) mengutarakan pentingnya peranan pemimpin di peringkat kampung untuk menyelesaikan masalah anak buahnya. Sidang Seman selaku ketua kampung berjaya menyemai semangat kerjasama di kalangan anak buahnya untuk mencari Mahyun yang merupakan seorang penduduk kampung yang hilang. Justeru, pembentukan etika kemasyarakatan yang kukuh perlu dibina oleh setiap pemimpin kampung atau daerah. Semangat bermuafakat yang ditanam oleh Sidang Seman kepada anak buahnya dapat dilihat dalam petikan dibawah.

Kemudian Sidang Seman membahagikan anak buahnya kepada beberapa kumpulan kecil untuk mencari Mahyun. Dua kumpulan akan mencari Mahyun hingga ke sawah. Satu kumpulan lagi akan mencari di

bahagian hulu kampung. Satu kumpulan lagi akan mencari di bahagian hilir kampung. Beberapa orang anak muda ditugaskan menyusur sungai hingga ke hilir. Ah Leong akan mengetuai kumpulan yang akan mencari di dalam hutan getah di bahagian timur kampung itu.

Kepentingan kepimpinan di peringkat kampung dapat dilihat dalam novel-novel *Merdeka! Merdeka!* Karya A. Rahman Hanafiah (1992). Dalam novel tersebut pengarang mengutarakan pemikiran tentang pentingnya kepimpinan di peringkat kampung wujud untuk memberi jaminan keselamatan kepada penduduknya. Menurut Maslow, jaminan keselamatan penting untuk kesejahteraan hidup rakyat. Sebagai pemimpin di peringkat kampung, ketua kampung akan sentiasa berfikir dan mencari jalan untuk menjaga keselamatan anak buahnya. Malah apa yang disuarakan akan menjadi ikutan anak-anak buahnya. Dengan kata lain, ketua kampung juga berperanan sebagai pembuat undnag-undang di peringkat kampung. Menurut Aristotle, tugas pembuat undang-undang adalah untuk menjadi warga yang baik dengan cara membentuk tabiat yang baik (Betrand Rusell, 1993:210). Justeru, pentingnya peranan kepimpinan walaupun di peringkat kampung.

Dalam novel *Merdeka! Merdeka!* Jelas dapat dilihat peranan Tuk Ketua yang sentiasa berjaga-jaga untuk menjaga keselamatan kampung daripada diancam oleh pengganas. Justeru, Maslow amat menekankan kepentingan jaminan keselamatan untuk kesejahteraan hidup. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Dari hari ini, setiap orang yang masuk ke kampung kita, apalagi kalau dia orang asing mesti tanyakan sebab dan tujuan kedatangan mereka,” kata Tuk Ketua. Dia merasakan adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan kampungnya.

(hlm. 14-15)

Kepimpinan di peringkat kampung dapat dikesan dalam novel *Pahlawan Pasir Salak* karya Mohd Ismail Sarbini (1986). Semangat patriotik yang disemai oleh Datuk Maharaja Lela memberi kesan kepada semua golongan masyarakat termasuk golongan remaja. Hal itu dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Dan anak-anak muda Pasir Salak itu kelihatan berlatih bersungguh-sungguh. Begitu bersemangat sekali. Memang Datuk Maharaja Lela telah mananamkan kesedaran bahawa kampung yang mereka cintai salama ini mulai terancam dan mereka perlu mempertahankannya!.

(hlm. 12)

Selain itu, pengarang novel tersebut juga mengungkapkan pentingnya tanggungjawab ketua kampung untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Menurut Mohd Nasir Omar (1986:93) tanggungjawab merupakan salah satu ciri etika dalam Islam. Hal tersebut dapat dilihat dalam petikan dibawah.

Datuk Maharaja Lela tersenyum bangga melihatkan itu semua. Dia amat yakin, pengikut-pengikutnya tetap bersatu padu di bawah pimpinannya. Akan bersatu tenaga menentang penajah!

(hlm. 76-77)

Dalam novel *Bukit Kepong* pula, Ismail Johari (1999) memaparkan akan pentingnya peranan ketua kampung untuk menwujudkan perpaduan kaum di kalangan penduduknya. Kepimpinan Penghulu Ali Mustapha berjaya mewujudkan suasana harmoni di kalangan penduduk kampung. Golongan bukan Melayu turut berpuas hati akan kepimpinannya. Jika dilihat dari sudut psikologi, seseorang yang bertindak seperti Penghulu Ali Mustapha kerana super egonya berjaya memainkan peranan sebagai petunjuk ke arah keunggulan sifat manusia. Hal itu dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Penduduk Cina yang tinggal berhampiran dengan kompleks polis itu juga dalam ketakutan, rumah mereka telah menjadi sasaran peluru sesat tembakan kedua-dua yang bertarung. Pasukan pengganas komunis juga sentiasa mendendami mereka kerana dicap sebagai tali barut polis. Mereka lebih selesa tinggal secara aman dalam kelompok masyarakat Melayu di bawah pimpinan Penghulu Ali Mustapha.

(hlm. 356)

Seterusnya, Azmah Nordin (1989) dalam novel *Timulak Kapal Perang* juga mengungkapkan tentang pentingnya peranan pemimpin di peringkat daerah yang cuba menerapkan semangat patriotik di kalangan masyarakatnya. Pemimpin daerah yang berwibawa sudah pasti dapat menerapkan nilai patriotik di kalangan penduduk daerah yang merupakan asas bagi membina semangat cinta akan negara. Dalam novel *Timulak Kapal Perang* pemimpin daerah diwakili oleh Paduka Mat Salleh. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Daerah Inanam ini, dikuasai oleh kami penduduk tempatan, sejak nenek-moyangku dulu lagi. Tidak semudah itu aku membiarkan daerah ini dijajah orang putih! Tidak mungkin aku berdiam diri!”

“Kau melawan kuasa orang putih?” jerkah jurubahasa itu.

“Kau tak takut jika belakang hari kau dan pengikut-pengikutmu diajar oleh orang putih kelak? Kau tak takut mendapat susah?”

“Aku tak takut kepada sesiapa pun, kecuali Tuhan!” bentak Paduka Mat Salleh. “Cih! Kurang ajar kau anjing orang putih! Berani membelot anak bangsa sendiri!”

(hlm.: 21)

Menurut Abd. Rahim Abd Rashid (2001:110) nilai patriotik dapat menjadikan individu lebih berani, mempunyai jati diri, sanggup berkorban dan dapat memberi sumbangan yang bermakna demi kepentingan negara. Semangat partiotik ini bukan sahaja berjaya diterapkan oleh Paduka Mat Salleh di kalangan orang dewasa malah juga di kalangan golongan remaja. Kesannya, dapat dilihat apabila ramai golongan remaja turut menyertai pasukan keamanan secara sukarela. Malah ada di kalangan mereka yang sanggup mempertarungkan nyawa semata-mata untuk mengintip pegawai-pegawai Inggeris menangkap penduduk-penduduk kampung yang ingkar akan perintah mereka. Mereka juga mempunyai semangat jati diri yang kuat. Jati diri yang kuat ini lahir daripada kekuatan etika terhadap diri sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Seruan apa? Jerkah bapanya, keberangan.

“Se....seruan untuk memperjuangkan maruah bangsa dan tanah air, pak,” ujar Andayu lembut. “Buat masa ini, saya belum boleh berdiam diri di rumah, sementara rakan-rakan saya berjuang

menentang penjajah. Ah, kalau saya dipinang orang pun, saya tak mungkin gembira, pak... !”

(hlm.: 46)

Dalam novel *Perlumbaan Kedua*, Marwilis Hj. Yusof (1992) mengungkapkan tentang pentingnya peranan pemimpin sebagai contoh kepada anak buahnya. Gambaran ini dapat dilihat melalui watak binatang, iaitu Tuk Kura yang memasuki pertandingan berlumba dengan arnab walaupun usianya telah hampir 200 tahun. Tuk Kura terpaksa bertanding dengan Sang Arnab setelah tidak mendapat sambutan daripada kaumnya. Kemenangan Tuk Kura akhirnya telah memberi kesedaran kepada nak buahnya bahawa kata sepakat penting untuk menjayakan sesuatu maklumat. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Sudah menjadi adat dunia, bila maruah bangsa tercabar, tidak ramai anak watan berani ke hadapan. Kita lebih suka menaruh prasangka. Bila mencari kata sepakat, kita membuat seribu helah.”

“Maafkan hamba, tuan hamba, “kata suku tasik.”

“Ya maafkan kami tuan hamba,” sampuk suku rimba.

“Tuan hamba akan kami anugerahkan gelaran pendeta bangsa!”

(hlm: 219-220)

Justeru, benarlah seperti apa yang dikatakan oleh Shamsul Amri Baharuddin (1990:100). Pemimpin adalah orang yang mempunyai kemampuan mempengaruhi perlakuan orang lain melalui pemikiran, kedudukan, perkataan dan tindakan. Mengikut Teori Etika Aristotle seorang pemimpin yang bijak harus mempunyai pertimbangan yang sihat, tahu menguasai diri dan pandai mengadakan keseimbangan antara keinginan dan cita-cita. (Mohammad Hatta, 1982:105)

## **Kepimpinan Keluarga**

Sebahagian besar pengarang-pengarang novel komponen sastera mengungkapkan tentang pentingnya kepimpinan keluarga dalam sesebuah masyarakat. Hal ini kerana kepimpinan keluarga yang positif dapat melahirkan generasi yang berakhhlak manakala

kepimpinan keluarga yang negatif atau bermasalah membawa kepada pelbagai implikasi negatif. Sehubungan itu, O.K Rahmat (1991:158) memperlihatkan pentingnya kepimpinan keluarga dalam Islam melalui firman Allahs.w.t.

Wahai orang yang beriman, peliharalah diri dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu; padanya ada malaikat yang keras dan dahsyat. Mereka tidak mendurhakai Allah atas apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka melakukan apa yang disuruhkan kepada mereka.

(At-Tahrim : 6)

Demikian pentingnya kepimpinan keluarga dalam Islam. Abdul Wahab Ali (1989:41) mengatakan kepimpinan keluarga merupakan suatu bentuk kepimpinan tradisi dalam sesbuah masyarakat. Namun begitu, ini tidak pula bererti bahawa kepimpinan mesti mengikuti tradisi. Keadaan ini bergantung kepada sikap dan latar belakang pemimpin keluarga itu sendiri.

Kepentingan kepimpinan keluarga yang positif untuk membentuk generasi yang berakhhlak mulia dapat dilihat dalam novel-novel komponen sastera. Walau bagaimanapun pengkaji hanya menyentuh beberapa novel yang dominan membicarakan kepentingan peranan pemimpin dalam keluarga kepada ahli-ahli keluarganya. Antara novel-novel yang akan dikaji ialah *Panas Salju*, *Aku Anak Timur*, *Limpahan Darah di Sungai Semur*, *Meniti Kaca*, *Konserto Terakhir*, *Seteguh Karang, Di Hadapan Pulau dan Terminal Tiga*.

Dalam novel *Panas Salju* karya Talib Samad (1996) dapat dilihat peranan Zulkifli sebagai pemimpin keluarga yang bertanggungjawab dan sanggup meluangkan masanya untuk menghadiri kursus anak cemerlang anjuran NURY (Institut bagi Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak) semata-mata bertujuan untuk mempelajari cara membentuk anak supaya menjadi manusia yang berjaya. Kesannya Zulkifli berjaya membentuk anak-anaknya menjadi cemerlang. Justeru, etika kekeluargaan yang kukuh penting untuk menwujudkan keluarga harmoni. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Tahun berganti tahun dan musim terus berlalu bersama edaran masa. Nadhirah sudah tamat pengajiannya dan kini mendapat pekerjaan di Bank Islam, Kuala Lumpur. Dia bakal mendirikan rumah tangga

dengan jejaka pilihannya, seorang doktor bedah di Hospital Kuala Lumpur. Nazli sudah berjaya memasuki sekolah berasrama penuh di Kuala Kangsar.

(hlm : 223)

Kepentingan peranan pemimpin keluarga untuk membentuk generasi yang berakhhlak dapat dikesan dalam novel *Aku Anak Timur* karya Siti Aminah Hj. Yusof (1987). Ketegasan Encik Ali dalam memberikan didikan kepada anaknya akhirnya membawa kejayaan apabila dia berjaya mengubah pemikiran dan pandangan hidup Zarina yang selama ini terikut-ikut dengan gaya hidup barat. Justeru, pentingnya pemimpin keluarga yang berilmu. Lantaran itu, Etika Plato sangat mementingkan intelektual dan rasional kerana orang berilmu lebih rasional dalam bertindak. Kesannya, dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Dalam perjalanan pulang semasa berada di awan biru itu, aku melayani fikiranku untuk menghilangkan rasa jemu. Aku terfikir dalam hati. Segala yang dikatakan moden oleh orang-orang Eropah itu tidak sesuai dengan kehidupan orang timur. Sesungguhnya bagiku negara Eropah ini hanya seronok dilawati sahaja, bukan untuk tempat tinggal. Aku dapat merasakan keresahan hidup di sana dan kebanyakannya hanya indah pada lahirnya sahaja dan tidak pada keadaan sebenarnya.

(hlm. 168)

Lantaran itu, menurut Sufean Hussain (1996:310) pendidikan itu penting kerana ibu bapa yang berpendidikan merupakan faktor penting untuk mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Peristiwa tersebut jelas menggambarkan kepentingan pendidikan sebagai agen pembangunan individu dan seterusnya masyarakat.

Kepimpinan yang sama dapat dilihat dalam novel *Julia* karya Abu Hassan Morad (1990). Ketegasan Encik Bakar menghantar Julia belajar agama di Australia banyak mengubah corak kehidupan Julia daripada seorang gadis liar bertukar menjadi seorang gadis yang bertanggungjawab. Justeru, etika kekeluargaan yang kukuh penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Abah nak hantar Julia belajar ke Australia.”

Aku tergamam.

“Abah akan dapatkan sekolah terbaik untuk Julia. Minggu depan kita akan bertolak.”

(hlm. 8)

Selanjutnya, kepentingan peranan pemimpin keluarga yang prihatin dapat dikesan dalam novel *Limpahan Darah di Sungai Semur*. Dalam novel tersebut Zakaria Salleh (1988:3) memperlihatkan pemimpin keluarga yang prihatin akan sentiasa melayan dan member perhatian yang wajar kepada anak-anak mereka. Melalui interaksi yang berterusan antara pemimpin keluarga dengan anak-anak mereka, secara tidak langsung langkah itu berjaya menerapkan nilai-nilai positif di kalangan anak-anak mereka. Misalnya, dalam novel *Limpahan Darah di Sungai Semur*, iaitu Mohamad sentiasa bercerita tentang kehebatan pahlawan-pahlawan dahulukala kepada Jamaluddin. Ekoran daripada itu, Mohamad berjaya melahirkan anak yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakatnya setelah Jamaluddin berjaya menjadi seorang pahlawan yang banyak berbakti kepada negara. Jelaslah, bahawa pentingnya pengaruh pemimpin keluarga dalam pembentukan diri anak-anak.

Dalam novel *Meniti Kaca* juga Raja Sabaruddin Raja Abdullah (1991) membawa pemikiran tentang pentingnya kepimpinan keluarga yang penyayang untuk membentuk anak cemerlang. Walaupun Pak Sahar sakit, namun dia tetap mengikuti perkembangan pelajaran Nazar malah menggalakannya untuk belajar. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“ Sudahlah, Zar. Pergi baca buku,” ujar Pak Sahar.

(hlm. 45)

Akhirnya, Nazar berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh. Demikian pengarang cuba mengungkapkan peranan pemimpin keluarga untuk melahirkan generasi yang cemerlang. Etika kekeluargaan yang kukuh seperti mengutamakan kasih sayang dan sentiasa memberi nasihat kepada anak-anak merupakan penyumbang kepada pembentukan moral yang baik di kalangan anak-anak. Sehubungan itu, Abd. Rahim Abd. Rashid (2000:123)

mengatakan masyarakat yang tandus dengan nilai-nilai penyayang akan menyebabkan berkembangnya pelbagai gejala sosial yang tidak diingini seperti meningkatnya kes-kes jenayah, peningkatan kes juvana di kalangan remaja yang menjadikan golongan muda perosak kepada masyarakat.

Kelemahan kepimpinan keluarga yang membawa kepada keruntuhan akhlak dapat dikesan dalam novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain (1990). Golongan ini diwakili oleh Datuk Johari. Datuk Johari gagal menerapkan nilai-nilai Islam kepada anak dan isterinya. Lantaran itulah mereka hanyut dengan arus kehidupan barat. Jika dilihat dari sudut psikologi, lahirnya tingkah laku sedemikian kerana id seseorang itu begitu kuat sehingga tidak dapat dikawal oleh ego. Fenomena tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

... Kadang-kadang pulang jauh malam dalam keadaan pening-pening lalat kerana *champagne* dan *sherry* yang berlebihan. Mini bar di rumahnya mau di bawa ke mana, padahal itulah kebanggaannya ketika tamu-tamu datang ke rumah melihat botol-botol yang berbagai bentuk tersusun dengan indah.

(hlm. 128)

Oleh sebab itu, dalam Islam akal merupakan alat yang penting untuk membuat pemilihan antara yang betul dan salah. Allah selalu memerintahkan manusia agar menggunakan akalnya supaya dapat memahami fenomena alam semesta ini. (Djamaludin Ancok dan Fuad Nashori Suroso, 1994 :158)

Dalam novel ini, pengarang memperlihatkan kesan daripada kepimpinan keluarga yang lemah turut menyebabkan konflik dalam keluarga. Walaupun keluarga Datuk Johari kecil, namun bibit-bibit perpecahan sudah kelihatan apabila anaknya Hayati sentiasa menjauhkan diri daripadanya. Selain itu, sebagai pemimpin keluarga Datuk Johari gagal menghalang pergaulan bebas antara Hayati dan Mohsin. Kedua-dua keadaan tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Datuk Johari tidak berapa suka anaknya itu pergi menonton sesudah sekolah serupa itu dan dia juga tidak berapa suka anak saudaranya itu memonteng kerja. Tetapi entah mengapa ia tidak dapat melahirkan rasa hatinya itu. Semacam rasa berat bergantung pada mulutnya.

(hlm. 35)

Pemikiran tentang kelemahan kepimpinan keluarga yang membawa kepada perpecahan keluarga dapat dikesan dalam novel *Seteguh Karang*. Golongan tersebut diwakili oleh Maysarah anak sulung dalam sebuah keluarga yang gagal berperanan sebagai pemimpin keluarga selepas kematian kedua ibu bapanya. Kegagalan Maysarah untuk mengawal diri dengan mendedahkan identiti Anita, iaitu anak angkat kepada keluarga mereka telah mencetuskan pertengkaran hebat antara adik-beradik sehingga membawa kepada perpecahan dalam keluarga.

...Kak May, telah menghalau Anita pergi. Ini sudah melampau!  
Anita telah dikutip oleh mama, tapi kau telah membuangnya.”

Tindakan Maysarah sesuai dengan Mekanisme Helah Bela Diri Freud, iaitu represi. Menurut Freud, seseorang itu akan bertindak sedemikian kerana ego mengawal tingkah laku impulsif dengan memendam diri atau menekan tingkah laku impulsif. Melalui cara ini, tingkah laku impulsif yang liar dipaksa balik ke bahagian tidak sedar, maka terdapat imbalan antara id dan ego. Akan tetapi, idea yang terpendam itu tidak akan terus hilang, ia akan terus kembali ke bahagian sedar melalui cara lain seperti terlepas kata. (Robert D. Nye, 1992:45).

Lantaran itu, dalam Islam terdapat etika terhadap diri sendiri. Melalui etika ini seseorang individu mesti melatih jiwa supaya berfikir dan menganalisa. Tindakan ini perlu agar individu tidak melakukan perbuatan yang melampau batas. (Mohd Nasir Omar, 1986:103)

Menerusi novel *Di Hadapan Pulau*, A. Samad Said (1995) turut mengungkapkan kelemahan kepimpinan keluarga melalui sikap yang tidak bertanggungjawab. Budin merupakan suami kepada Joyah yang sering pulang dalam keadaan mabuk-mabuk dan tidak mengambil tahu akan masalah keluarganya. Jika diikut dari segi psikologi, seseorang yang bertindak seperti Budin adalah disebabkan oleh dorongan idnya yang terlalu kuat sehingga tidak dapat dihalang oleh ego. Situasi ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

...Memang benar dia sudah hampir tidak pedulikan rumah, tidak pulang berhari-hari, dan sesekali pulang mabuk dan sentiasa berang. Sekarang ini masa perang, tidakkan boleh diharapkan Budin dengan keadaannya seperti itu, fikir Joyah, merenung sekolah di hadapan rumah Taksiah.

Hal yang sama dapat dilihat dalam novel *Terminal Tiga* karya Othman Puteh (1997). Ayah Rimpah telah meninggalkan anak-anak dan isterinya selama sepuluh tahun untuk mencari pekerjaan tanpa sebarang berita merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab. Ini berlaku kerana etika kekeluargaan yang longgar. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Aku tau emak susah sejak bapa tak pulang. Maafkan aku, mak. Aku mesti pergi. Pergi untuk ubah nasib sementara ada kemudahan. Ini peluang yang baik.”

(hlm. 18)

## **Kepimpinan Remaja**

Kepimpinan remaja terungkap dalam novel *Meniti Kaca, Tragedi 4 Disember dan Merdeka! Merdeka!*. Dalam ketiga-tiga buah novel tersebut, pengarangnya mengungkapkan kepentingan kepentingan remaja yang melibatkan rakan sebaya kerana dapat membentuk personaliti yang positif dan rasa tanggungjawab. Ciri-ciri ini penting bagi golongan remaja untuk memasuki dunia masyarakat yang lebih besar kelak. Ini kerana, mereka merupakan pelapis yang bakal mewarisi kepimpinan negara kelak. Pemikiran tentang kepentingan kepimpinan remaja dapat dikesan dalam novel *Meniti Kaca* karya Raja Sabaruddin Raja Abdullah (1991) melalui petikan di bawah.

“Kita mesti buktikan yang projek pelajar-pelajar dari Kampung Kota akan memenangi hadiah utama kali ini,” Nazar memberi semangat kepada rakan-rakanya. “Sudah seminggu kita mengumpulkan bahan-bahanya. Zainab, jangan lupa panggil pelajar-pelajar wanita lain untuk menyiapkan projek ini.  
“... Kita mesti bekerjasama untuk kejayaan bersama Moto kita. “Satu untuk Semua, Semua untuk Satu,” tegas Nazar lagi.

(hlm. 72)

Dalam novel *Meniti Kaca* pengarangnya mengutarakan kepentingan kepimpinan di kalangan remaja untuk membentuk tingkah laku remaja itu sendiri. Kepimpinan remaja yang di wakili oleh Nazar nyata mampu melahirkan remaja yang mempunyai keyakinan diri yang teguh dan mempunyai daya penggerak semangat juang yang kuat. Kepimpinan merupakan ciri yang penting bagi seseorang pemimpin untuk menjayakan sesuatu projek kerana secara tidak langsung dapat membangkitkan semangat ahli-ahli kumpulannya untuk bekerja keras demi mencapai kejayaan bersama. Jika dilihat dari sudut psikologi, kejayaan seseorang mengendalikan tugas dengan baik seperti Nazar kerana peranan yang di mainkan oleh super egonya berjaya menjadi pendinding kepada situasi yang cuba meruntuhkan prinsip-prinsip kemanusiaan, sosial dan moral.

Dalam novel *Tragedi 4 Disember*, Dzul Karnain Ithnain (1993) mengungkapkan pemikiran tentang kepimpinan remaja yang positif untuk membawa kepada semangat kerjasama antara ahli-ahli kumpulannya. Kewibawaan Azam sebagai pemimpin berjaya dapat melahirkan semangat kerjasama yang jitu antara ahli-ahli kumpulannya. Justeru, etika terhadap diri sendiri juga penting untuk menjadi pemimpin yang berkewibawaan.

Azam mengarahkan rakan-rakannya membersihkan kawasan tersebut dan menebang beberapa batang kayu untuk mendirikan khemah. Dia sendiri pergi meninjau keadaan sekitar bagi menentukan di mana boleh didapati air tawar untuk keperluan memasak dan minuman.

(hlm: 26)

Dalam novel *Merdeka! Merdeka!*, A. Rahman Hanafiah (1995) mengungkapkan kepentingan kepimpinan remaja pada zaman sebelum merdeka untuk menyedarkan golongan remaja akan kepentingan peranan mereka untuk menjaga keselamatan kampung dan memperjuangkan kemerdekaan. Dalam novel tersebut pemimpin remaja diwakili oleh Kudin. Kudin berjaya memainkan peranannya sebagai pemimpin untuk membentuk golongan remaja yang dinamik. Menurut Misran Rokimin (2002a) sifat-sifat mulia yang terdapat dalam diri Kudin ialah memiliki prinsip hidup dan jati diri yang unggul. Jati diri yang unggul ini juga lahir daripada etika terhadap diri sendiri yang kuat. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Memang setiap orang mengakui, usaha Kudin dan rakan-rakannya patut dihargai. Kesanggupan mereka memberikan kerjasama dalam mempertahankan kampung, dan sama-sama giat memperjuangkan kemerdekaan patut sangat dihargai.

(hlm : 18)

## **Kepimpinan Guru**

Terdapat beberapa buah novel yang dikaji mengungkapkan pentingnya peranan kepimpinan guru selaku pembimbing dan penujuk jalan ke arah kejayaan. Hal ini selaras dengan konsep al-Insan yang menunjukkan potensi yang dimiliki manusia seperti kemampuan untuk menyebarkan ilmu (Jalaluddin, 1996: 44). Aspek ini akan dilihat dalam novel *Anak Din Biola*, *Konserto Terakhir*, *Putera Gunung Tahanan* dan *Julia*. Misalnya, dalam novel *Anak Din Biola* pengarangnya memperlihatkan kesungguhan Pak Wan Busu dan Datin Siti Norbayu membimbing Budiman sehingga menjadi Bintang Biola Remaja Kota Raya. Rasa tanggungjawab lahir daripada etika kemasyarakatan yang kuat mendorong Pak Wan Busu dan Datin Siti Norbayu berusaha gigih untuk membimbing Budiman. Situasi ini dapat dilihat dalam perikan di bawah.

Mula-mula Pak Wan mengulangkaji. Disuruhnya aku menggesek lima lagu yang aku suka. Lepas itu, dia mengajar aku bermain patah lagu. Bagaimana buat suara biola beranak-anak supaya merdu dan lain-lain lagi.

(hlm. 100)

Datin Siti Norbayu meminta aku menggesek biola. Dikeluarkannya sebuah buku muzik. Aku diminta menggesek biola mengikut lagu dalam buku itu.

(hlm. 79)

Begitu juga dalam novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain (1990), atas rasa tanggungjawab Encik Bakar mendidik Hilmi sehingga berjaya menjadi seorang pemuzik yang ternama. Situasi tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Aku tidak menyesal lagi kalau aku mati sekarang,” kata Pak Bakar waktu penemuan itu. “Kerana aku telah dapat meninggalkan seorang pemain muzik yang besar kepada negara kita.

(hlm: 173)

Dalam novel *Putera Gunung Tahan* pula, Ishak Haji Muhammad (1989) mengungkapkan peranan kepimpinan guru sebagai penunjuk jalan ke arah kebenaran. Perempuan tua yang digambarkan oleh Ishak Haji Muhammad turut menyumbang tenaga mengajar ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam kepada perempuan-perempuan sakai yang masih lagi terikat dengan kepercayaan anismisme. Hal tersebut penting untuk mewujudkan masyarakat yang pandai mengurus diri dan lebih bertamadun.

*Perempuan Tua* : Saya cuba mengajar kepada perempuan-perempuan ini bahawa tiada Tuhan yang wajib disembah melainkan Allah dan Nabi Muhamamad itu hamba dan pesuruhNya dan dialah nabi penyudah sekali. Adapun orang-orang sakai ini menyembah pokok kayu, batu, busut dan lain-lain benda.

(hlm: 40-41)

Sehubungan itu, Mohd Nasir Omar (1986:96) mengatakan universal merupakan salah satu ciri etika Islam. Islam adalah agama yang universal, agama untuk dunia seluruhnya, agama untuk semua peringkat manusia, masa dan tempat. Pemikiran yang sama dapat dikesan dalam novel *Julia* karya Abu Hassan Morad (2000: 54-57). Kesungguhan tenaga pengajar di Hidayah Islamic College seperti Sister Fatimah yang bukan sahaja menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajarnya malah merangsang minda mereka untuk berfikir lebih jauh dan kreatif melalui perbincangan dalam kelas. Beliau mampu melahirkan generasi yang terbuka mindanya, terasuh jiwanya dan mampu menghadapi dugaan hidup. Hal ini dapat dilihat melalui perubahan sikap Julia menerusi novel *Julia*. Julia seorang gadis yang liar lalu menjadi seorang gadis yang bertanggungjawab. Demikianlah pentingnya kepimpinan guru kepada pelajarnya.

Selanjutnya, Othman Puteh (1997) dalam novel *Terminal Tiga* mengungkapkan kepentingan kepimpinan guru untuk melahirkan generasi yang berjaya. Kata-kata nasihat pensyarah di Akademik Seni Kebangsaan kepada pelajar-pelajarnya dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Mesti yakin dan bersikap positif.”

(hlm. 65)

Jika dilihat dari sudut Psikologi Islam, lahirnya sikap mulia seorang pendidik kerana didorong oleh hati yang mempunyai sifat semulajadi yang positif, iaitu mencintai perkara yang baik. Segala tingkah laku manusia termasuk keinginan digerakkan oleh hati.

Pada keseluruhannya, pengkaji mendapati peranan pemimpin penting dalam sesebuah organisasi bermula daripada peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Pemimpin dapat mempengaruhi ahli kumpulannya ke arah pembentukan sikap yang positif untuk mencapai kecemerlangan daripada pelbagai aspek. Dalam hal ini Koontz, H. dan C. O' Donnell buku *Principles of Management: An Analysis of Managerial Functions* ada mengatakan:

Leading is influencing people so that they will contribute to organization and group goals; it has to do predominantly with the interpersonal aspect of managing. All managers would agree that their most important problems arise from people. Their desires and attitudes, their behavior as individuals and in groups and that effective managers also need to be effective leader. Since leadership implies followership and people tend to follow those who offer a means of satisfying their own needs, wishes and desires, it is understandable that leading involves motivation, leadership styles and approaches and communication.

(hlm:12)

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapat dikesan elemen kepimpinan diutarakan oleh pengarang dalam novel-novel yang dikaji berhubung dengan kepimpinan politik, kampung dan daerah, keluarga, guru dan remaja. Boleh dikatakan kesemua novel yang dikaji membicarakan tentang kepimpinan sama ada di peringkat bawah mahupun di peringkat atas. Aspek tersebut merupakan aspek yang dominan didedahkan kepada golongan remaja yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Mereka harus mengerti bahawa setiap kepimpinan daripada peringkat bawah

sehingga ke peringkat atas mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dan penting dalam pembentukan negara yang harmoni. Nilai kepimpinan yang positif diterapkan oleh pengarang dalam novel-novel yang dikaji seperti dedikasi, bertanggungjawab, ketegasan, rasional, cekal, tabah dan sebagainya membawa kepada kelangsungan hidup yang positif manakala ciri kepimpinan negatif seperti tidak bertanggungjawab, lemah, tidak dapat mengawal emosi dan sebagainya membawa implikasi yang negatif kepada kelompok tersebut

## RUJUKAN

- A. Rahman Hanafiah. (1995). *Merdeka!Merdeka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1995). *Di Hadapan Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahim Ab.Rashid. (2000.). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Wahab Ali. (1989). *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussein. (1990). *Konserto Terakhir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Morad. (2000). *Julia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Azmah Nordin. (1989). *Timulak Kapal Perang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bertrand Russell. (1993). *Sejarah Falsafah Barat*. Terj. Mohd. Safar Hasim, Fatimah Yusoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djamaludin Ancok, Fuat Nashori Suroso. (1994). *Psikologi Islamisasi: Salusi Islam Atas Problem-Problem Psikologi*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar.
- Dzulkarnain Ithnain. (1992). *Tragedi 4 Disember*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Hajji Muhammad. (1989). *Putera Gunung Tahan*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agensi
- Ismail Johari. (1999). *Bukit Kepong*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kassim Thukiman. (2002). Malaysia: *Perspektif, Sejarah dan Politik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Koontz, H. dan C.O. Donnell. (1968). *Principles of Management: An Analysis of Managerial Function, 4<sup>th</sup> Ed*, New York : McGraw-Hill.
- Maaruf Mahmud. (1993). *Anak Din Biola*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marwilis Haji Yusof. (1992). *Perlumbaan Kedua*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Hatta. (1982). *Alam Fikiran Yunani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ismail Sabirin. (1986). *Pahlawan Pasir Salak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Mohd Nasir Omar. (1986). *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Selangor: Universiti Malaya.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi merupakan Penyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Universiti Putra Malaysia. Mendapat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1998, Master 2000 dan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2005.
- Othman Puteh. (1997). *Terminal Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat, O. K. (1991). *Hubungan Antara Manusia dengan Manusia dan Alam Sekelilingnya: Sebuah Tinjauan Mengenai Muamalah dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Raja Sabaruddin Raja Abdullah. (1991). *Meniti Kaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert D. Nye. (1992) . *Tiga Pemikiran Psikologi: Perspektif Dari Freud, Skinner dan Rogers*. Terj. Mahmood Nazar Mohamed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1990). Masyarakat Malaysia yang Membangun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aminah Haji Yusof (1987). *Aku Anak Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustka.
- Sufean Hussain (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (1996). *Panas Salju*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd
- Tuan Faridah Syed Abdullah. (1991). *Seteguh Karang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Salleh. (1988). *Limpahan Darah di Sungai Semur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.